
ANALISIS FAKTOR KEGAGALAN PELAJAR MENAMATKAN PENGAJIAN PROGRAM SIJIL ASAS TAHFIZ DI PSAS MELALUI TEKNIK KUMPULAN NOMINAL

Mohamad Faisal Jumri¹, Muhammad Solihin Yaakub², & Mohd Zaid Ismail³

¹ Politeknik Sultan Azlan Shah, 35950 Behrang Stesen, Perak, Malaysia
E-mail: m.faisal@psas.edu.my

^{2,3} Politeknik Sultan Azlan Shah, 35950 Behrang Stesen, Perak, Malaysia
E-mail: solihin@psas.edu.my, mohd_zaid@psas.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada kegagalan pelajar menamatkan pengajian dalam Program Sijil Asas Tahfiz di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Isu ini dianggap kritikal kerana kadar pengekalan pelajar yang rendah boleh menjejaskan keberkesanan program, kelestarian institusi, serta pencapaian objektif pendidikan nasional dalam melahirkan huffaz berkemahiran. Bagi mencapai tujuan ini, kajian menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) dengan melibatkan lima orang pensyarah sebagai pakar dan 26 orang pelajar yang tidak menamatkan pengajian sebagai responden. Analisis mengenal pasti lima faktor utama yang menyumbang kepada kegagalan pelajar, iaitu faktor pembelajaran, sosial dan keluarga, psikologi, persekitaran serta kemudahan fizikal, dan aspek institusi serta reka bentuk kurikulum. Faktor pembelajaran didapati paling dominan, diikuti oleh faktor sosial dan keluarga, psikologi, persekitaran, dan kurikulum. Penemuan ini menegaskan keperluan strategi pengajaran yang lebih berkesan, bimbingan motivasi berterusan, sokongan sosial daripada keluarga dan komuniti, serta penambahbaikan dalam reka bentuk kurikulum dan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa usaha kolektif antara pensyarah, pentadbir, keluarga, dan institusi perlu diberi penekanan bagi mengurangkan kadar kegagalan serta meningkatkan kejayaan akademik dan spiritual pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan ini berpotensi menjadi rujukan penting dalam perancangan intervensi strategik bagi memperkukuh kelestarian program Sijil Asas Tahfiz di Politeknik Sultan Azlan Shah.

Kata kunci: *kegagalan pelajar, Program Sijil Asas Tahfiz, Teknik Kumpulan Nominal (NGT), faktor pembelajaran, sokongan sosial*

I. PENDAHULUAN

Sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan yang berkualiti dan menyumbang kepada kemajuan sesebuah negara. Dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia, program tahfiz dilihat sebagai satu pendekatan yang berkesan dalam melahirkan generasi pelajar yang bukan sahaja mahir dalam hafazan al-Quran, tetapi turut cemerlang dari aspek sahsiah, akhlak, dan pencapaian akademik [1].

Politeknik Sultan Azlan Shah atau dikenali sebagai (PSAS), yang terletak di Behrang, Perak, telah memperkenalkan Program Sijil Asas Tahfiz sebagai inisiatif pendidikan integrasi antara pengajian akademik dan hafazan al-Quran. Program ini

dijalankan secara kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan bertujuan membentuk pelajar yang mampu menyeimbangkan kecemerlangan duniawi dan ukhrawi [2].

Namun begitu, program ini turut berdepan dengan cabaran, terutamanya dari sudut kadar pelajar yang gagal menamatkan pengajian. Fenomena ini menimbulkan kebimbangan terhadap keberkesanan program serta keperluan untuk mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada kegagalan tersebut [2]. Kajian-kajian terdahulu menyatakan bahawa faktor kegagalan pelajar boleh datang daripada pelbagai dimensi, termasuk faktor dalaman seperti motivasi sendiri, disiplin, dan pengurusan masa [3], serta faktor luaran seperti sokongan keluarga,

kemudahan pembelajaran, dan kaedah pengajaran yang sesuai [3].

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti secara mendalam faktor-faktor tersebut dengan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal yang dikenali sebagai (NGT), iaitu satu pendekatan kualitatif yang melibatkan penyertaan pelajar dan tenaga pengajar dalam sesi diskusi berstruktur untuk mengenal pasti isu sebenar yang dihadapi [3]. Teknik ini memberikan kelebihan kerana ia menonjolkan kepelbagaian pandangan secara sistematik dan menghasilkan konsensus

II. OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji dan menganalisis faktor-faktor yang berkait dengan kegagalan pelajar Program Sijil Asas Tahfiz di Politeknik Sultan Azlan Shah dalam menamatkan pengajian dengan menggunakan pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT).

III. SOROTAN KAJIAN

Pelbagai penyelidikan terdahulu menekankan bahawa kejayaan pelajar tahfiz dipengaruhi oleh gabungan faktor dalaman dan luaran. Dorongan intrinsik seperti minat yang mendalam terhadap penghafalan al-Quran serta pengurusan masa yang berkesan dikenal pasti sebagai asas penting bagi mengekalkan konsistensi hafazan [4]. Pada masa yang sama, sokongan luaran seperti kemudahan institusi yang mencukupi dan dorongan emosi daripada keluarga turut menjadi faktor pengukuh dalam membantu pelajar mengatasi cabaran akademik [5].

Kajian lain turut menekankan kepentingan standard pengajaran yang berkualiti serta hubungan positif antara pendidik dan pelajar dalam mengekalkan motivasi [6]. Namun begitu, beberapa penyelidikan menunjukkan bahawa tekanan akademik yang berlebihan boleh melemahkan daya fokus dan menjejaskan pencapaian hafazan [7].

IV. PERMASALAHAN KAJIAN

Kegagalan pelajar dalam melengkapkan pengajian merupakan isu yang kerap berlaku dalam institusi pendidikan tinggi, termasuk di Politeknik Sultan

berkumpulan terhadap isu kritikal yang dikenal pasti [3].

Hasil dapatan kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak pentadbiran PSAS dan JAKIM dalam merangka strategi penambahbaikan yang lebih berfokus kepada keperluan sebenar pelajar. Kajian ini juga menyumbang kepada pengkayaan literatur tempatan dalam bidang penyelidikan pendidikan Islam, khususnya berkaitan program integrasi diploma TVET di Politeknik Malaysia dengan Program Sijil Asas Tahfiz di institusi pendidikan tinggi Malaysia.

Matlamat khusus penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

1. **Mengenal pasti tema** bagi punca kegagalan pelajar Program Sijil Asas Tahfiz PSAS dalam menamatkan pengajian.
2. **Menentukan susunan keutamaan** faktor-faktor utama yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kegagalan pelajar dalam menamatkan pengajian.

Sintesis daripada kajian-kajian ini menunjukkan bahawa walaupun banyak faktor telah dikenal pasti, kebanyakannya dikaji secara terpisah, sama ada menekankan aspek psikologi, sosial, atau institusi.

Oleh itu, terdapat keperluan kepada pendekatan yang dapat mengintegrasikan pandangan daripada pelbagai pihak bagi menghasilkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang punca kegagalan pelajar. Dalam konteks ini, penggunaan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) menawarkan kelebihan kerana membolehkan isu ditentukan mengikut keutamaan melalui penglibatan pelajar, pendidik, dan pentadbir secara serentak [8]. Dapatan yang dihasilkan melalui NGT bukan sahaja lebih holistik, tetapi juga boleh dijadikan asas dalam merangka polisi dan intervensi yang lebih tepat sasaran untuk meningkatkan prestasi serta kadar pengekalan pelajar [9].

Azlan Shah (PSAS). Fenomena ini turut dialami oleh pelajar Program Sijil Asas Tahfiz PSAS, di mana 26 daripada 38 pelajar yang mendaftar tidak berjaya menyelesaikan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Isu ini memberi impak ketara

terhadap masa depan pelajar serta reputasi institusi. [10]

Pelbagai faktor boleh menyumbang kepada kegagalan pelajar, antaranya kelemahan dalam strategi pembelajaran, hubungan sosial yang rapuh, tekanan psikologi, serta persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif [11]. Misalnya, kajian menyatakan bahawa minat dalaman dan pengurusan masa yang kurang teratur merupakan punca utama ketidakselesaian akademik dalam kalangan pelajar tahfiz [12]. Sokongan sosial daripada keluarga dan rakan sebaya serta kemudahan fizikal institusi juga memainkan peranan penting dalam prestasi akademik [13]. Sebaliknya, tekanan akademik atau beban hafazan yang tidak seimbang dengan tuntutan

V. KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui Teknik Kumpulan Nominal (NGT) untuk mengenal pasti faktor kegagalan pelajar Sijil Asas Tahfiz di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). NGT dipilih kerana kaedah ini membolehkan idea individu dikumpulkan, dibincangkan, dan dipersetujui secara konsensus dalam kumpulan kecil [15].

Reka Bentuk dan Sampel Kajian

Kajian melibatkan dua kumpulan peserta: (i) lima orang tenaga pengajar program sebagai panel pakar bagi mencadangkan tema awal faktor kegagalan, dan (ii) 26 orang pelajar yang gagal menamatkan pengajian untuk menilai serta mengundi tema tersebut. Pemilihan responden dibuat secara pensampelan bertujuan agar hanya individu yang relevan dengan konteks kajian terlibat [16]– [18].

Sampel Kajian

Sampel penyelidikan ini terdiri daripada lima orang pakar yang merupakan tenaga pengajar Program Sijil Asas Tahfiz dan 26 orang pelajar yang gagal menamatkan pengajian. Pemilihan sampel ini dilakukan secara bertujuan bagi memastikan keterlibatan individu yang mempunyai pengetahuan mendalam serta pengalaman langsung berkaitan

akademik boleh melemahkan komitmen pelajar untuk terus bergraduasi [14].

Walau bagaimanapun, tiada kajian terdahulu yang menumpukan kepada pelajar Program Sijil Asas Tahfiz di PSAS menggunakan pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) kerana Program Sijil Asas Tahfiz di PSAS baru diperkenalkan sekitar tahun 2022. Kaedah ini sesuai digunakan kerana ia membolehkan pengumpulan pandangan daripada pelbagai pihak, pelajar dan tenaga pengajar secara sistematik dalam mengenalpasti punca kegagalan menamatkan pengajian.

dengan isu kegagalan pelajar dalam program tersebut. Kaedah pensampelan bertujuan lazimnya digunakan dalam penyelidikan kualitatif apabila penyelidik ingin mendapatkan maklumat daripada peserta yang benar-benar memahami konteks kajian [17], [18].

Instrumen dan Prosedur NGT

Instrumen kajian berbentuk panduan sesi NGT yang merangkumi empat fasa utama: (1) penjanaan idea, (2) penyusunan idea, (3) perbincangan dan klarifikasi, dan (4) pengundian keutamaan [19], [20]. Dalam pelaksanaan, kumpulan tenaga pengajar terlebih dahulu mengenal pasti tema awal. Seterusnya, kumpulan pelajar menilai tema tersebut melalui undian penerimaan/penolakan dan penetapan keutamaan. Keseluruhan proses difasilitasi penyelidik bagi memastikan pengumpulan data berjalan sistematik serta berpandukan prinsip NGT [21]–[24].

VI. DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis data NGT yang melibatkan 26 orang pelajar, lima tema utama telah dikenal pasti sebagai faktor kegagalan menamatkan pengajian. Jadual 1 menunjukkan tahap penerimaan kesemua tema dengan skor tinggi (85%–100%), manakala Jadual 2 pula menyusun keutamaan faktor berdasarkan jumlah skor.

Jadual 1: Dapatan Undian Tema Utama Faktor Kegagalan Pelajar Menamatkan Pengajian Program Sijil Asas Tahfiz PSAS

Bil	Tema Utama	Jumlah Skor (N=26)	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Faktor Pembelajaran	130	100%	Terima
2.	Aspek Institusi dan Reka Bentuk Kurikulum	110	85%	Terima
3.	Faktor Persekitaran dan Kemudahan Fizikal	112	86%	Terima
4.	Faktor Psikologi	114	88%	Terima
5.	Faktor Sosial dan Keluarga	122	94%	Terima

Jadual 2: Dapatan Undian Susunan Keutamaan Faktor Kegagalan Pelajar Menamatkan Pengajian Program Sijil Asas Tahfiz PSAS

Bil	Tema Utama	Jumlah Skor (N=26)	Peratus (%)	Susunan Keutamaan
1.	Faktor Pembelajaran	130	100%	1
2.	Aspek Institusi dan Reka Bentuk Kurikulum	110	85%	5
3.	Faktor Persekitaran dan Kemudahan Fizikal	112	86%	4
4.	Faktor Psikologi	114	88%	3
5.	Faktor Sosial dan Keluarga	122	94%	2

Faktor Pembelajaran muncul sebagai penyumbang utama dengan skor maksimum (100%), menggambarkan isu kelemahan kemahiran belajar, strategi hafazan, dan pengurusan masa sebagai cabaran paling kritikal. Dapatan ini selaras dengan dapatan awal sesi perbincangan, di mana majoriti pelajar menekankan kesukaran mengimbangi hafazan dengan subjek akademik. Seorang responden menyatakan bahawa "*banyak masa digunakan untuk mengulang hafazan sehingga subjek lain terabai*", mengesahkan dapatan kuantitatif.

Faktor Sosial dan Keluarga berada pada kedudukan kedua (94%). Walaupun hampir semua pelajar mengakui kepentingan sokongan keluarga, beberapa peserta menekankan bahawa konflik keluarga, tekanan kewangan, dan ketiadaan sokongan moral boleh melemahkan motivasi. Dapatan ini menunjukkan pengaruh faktor eksternal yang kuat, yang kadangkala melebihi kesan institusi atau kurikulum.

Faktor Psikologi (88%) pula mencerminkan kepentingan kesejahteraan emosi, motivasi dalaman, dan daya tahan. Beberapa pelajar

menyuarakan bahawa tekanan berlebihan dalam menyiapkan hafazan menyebabkan mereka berasa "*letih mental dan hilang fokus*". Triangulasi dapatan ini dengan pengamatan fasilitator semasa sesi NGT menunjukkan bahawa isu psikologi sering muncul berulang kali walaupun tidak mendominasi skor tertinggi.

Faktor Persekitaran dan Kemudahan Fizikal (86%) berada di kedudukan keempat. Walaupun tidak dianggap dominan, pelajar tetap menegaskan bahawa kekurangan ruang belajar kondusif dan akses sumber rujukan moden menyukarkan mereka. Isu ini cenderung timbul dalam bentuk rungutan praktikal, misalnya tempat tinggal asrama yang bising atau kekurangan ruang ulangkaji.

Akhir sekali, Aspek Institusi dan Reka Bentuk Kurikulum memperoleh skor paling rendah (85%), namun masih signifikan. Pelajar berpendapat struktur kurikulum yang padat dan kurang fleksibel menjejaskan keseimbangan antara hafazan dan akademik. Walaupun faktor ini dilihat kurang berkesan secara langsung berbanding pembelajaran sendiri atau sokongan keluarga, ia tetap memberi kesan kumulatif terhadap prestasi keseluruhan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa faktor dalaman (pembelajaran, psikologi) dan faktor sokongan sosial lebih dominan berbanding aspek luaran seperti infrastruktur dan institusi. Analisis triangulasi antara undian skor,

VII. PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dapatan kajian ini mendedahkan lima faktor utama yang menyumbang kepada kegagalan pelajar menamatkan pengajian dalam Program Sijil Asas Tahfiz di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Melalui pelaksanaan Teknik Kumpulan Nominal (NGT), hierarki keutamaan faktor telah dikenal pasti secara konsensus, memberikan asas yang kukuh untuk merangka intervensi yang lebih berfokus.

Faktor pembelajaran muncul sebagai penyumbang dominan. Dapatan ini bukan sahaja selari dengan Awang dan Daud [25] yang menegaskan kelemahan kemahiran belajar dan pengurusan masa sebagai halangan utama, malah ia menonjolkan keperluan kepada sokongan pedagogi yang lebih sistematik. Oleh itu, intervensi yang disyorkan termasuk pelaksanaan bengkel kemahiran belajar berasaskan hafazan, penggunaan teknologi pembelajaran interaktif, serta sistem pemantauan akademik secara berkala bagi membantu pelajar menyesuaikan diri dengan keperluan gabungan akademik dan hafazan [26].

Faktor sosial dan keluarga turut memberi kesan signifikan, khususnya apabila wujud konflik nilai atau ketiadaan sokongan moral. Walaupun selari dengan Norasmah et al. [27], dapatan ini menuntut pendekatan intervensi seperti program libat urus keluarga, bimbingan keibubapaan, dan sokongan komuniti bagi memastikan kesejahteraan emosi pelajar lebih terjamin.

Dari sudut psikologi, tekanan emosi dan keyakinan diri yang rendah terbukti menjejaskan motivasi. Seperti yang dijelaskan Yusoff [28], tanpa intervensi kaunseling, risiko

perbincangan NGT, dan pandangan pelajar memperkukuh kesimpulan bahawa kegagalan pelajar adalah multidimensi, dengan pembelajaran sebagai faktor paling kritikal, namun dipengaruhi secara signifikan oleh konteks sosial dan psikologi.

keciciran meningkat. Sehubungan itu, institusi disaran memperkukuh sistem kaunseling dengan menyediakan modul pembangunan diri berasaskan nilai Islam serta mewujudkan mentor akademik yang boleh memantau kesejahteraan pelajar secara berterusan.

Bagi faktor persekitaran dan kemudahan fizikal, isu seperti kekurangan ruang belajar dan peralatan sokongan menjejaskan keberkesanan pembelajaran. Walaupun Hassan et al. [29] menekankan kepentingan infrastruktur, dapatan ini menunjukkan bahawa strategi konkrit perlu dilaksanakan, antaranya penyediaan makmal tahfiz berteknologi, ruang hafazan kondusif, dan akses sumber digital yang lebih luas.

Akhir sekali, aspek institusi dan kurikulum turut memberi kesan apabila kurikulum kurang fleksibel dan pemantauan akademik tidak menyeluruh. Selari dengan cadangan Zainudin dan Ghazali [30], institusi perlu melaksanakan kurikulum integrasi yang lebih adaptif, menggabungkan pendekatan hafazan tradisional dengan pedagogi moden berasaskan TVET, serta mewujudkan mekanisme maklum balas pelajar untuk penambahbaikan berterusan.

Secara keseluruhan, perbincangan ini menunjukkan bahawa faktor kegagalan pelajar adalah multidimensi dan saling berkait. Oleh itu, intervensi yang menyeluruh melibatkan pengukuhan pedagogi, sokongan keluarga, pembangunan psikologi, penyediaan infrastruktur kondusif, dan penambahbaikan kurikulum diperlukan untuk meningkatkan kadar pengekalan pelajar. Analisis kritikal ini menegaskan bahawa keberkesanan program tahfiz hanya dapat dipertingkatkan melalui pendekatan holistik yang menyatukan usaha


pensyarah, pentadbir, keluarga, dan pihak institusi [31].

RUJUKAN

- [1] N. F. Mohd Ishak, N. M. A. Nik Abdullah, and R. A. M. Isa, "The impact of tahfiz programme on students' religiosity: A case study," *Jurnal Al-Sirat*, vol. 23, no. 2, pp. 122–138, Oct. 2023.
- [2] N. Md Yusup, M. M. A. Rahim, and A. H. Borham, "Effective strategies in Quran memorization and revision (murajaah) practices among tahfiz students in Malaysia: A systematic review," *Int. J. Modern Education*, vol. 7, no. 25, Jun. 2025.
- [3] M. S. Taat, R. Talip, and M. Mosin, "The influence of curriculum and school climate on the academic attitude of tahfiz students in Malaysia," *Int. J. Eval. Res. Educ. (IJERE)*, vol. 10, no. 3, pp. 1375–1383, Sept. 2021.
- [4] N. M. S. A. Nik Abdullah, F. S. Mohd Sabbri, and R. A. Muhammad Isa, "Tahfiz students' experiences in memorizing the Qur'an: Unveiling their motivating factors and challenges," *IJUM J. Educ. Stud.*, vol. 9, no. 2, pp. 42–63, Jun. 2021.
- [5] M. H. A. Mohd Azmi, N. A. M. Nik Din, and M. I. Md Khalis, "Key factors influencing the success of Quran memorization among tahfiz students," *Jurnal Al-Hikmah*, vol. 16, no. 2, Jun. 2024.
- [6] N. Ariffin and M. S. M. Shukor, "Intrinsic and extrinsic motivation factors in predicting the muraja'ah hafazan of tahfiz diploma students at KITAB," *Malaysia Online J. Psychol. Couns.*, vol. 11, no. 2, Dec. 2024.
- [7] N. R. Ros Abd Rahman, Z. Abdullah, H. B. Kenayathulla, and T. Gurusamy, "Determining the key elements of instructional coaching strategies for Malaysian school MLs via Nominal Group Technique," *Malaysia Online J. Educ. Manage.*, vol. 12, no. 1, Jan. 2024.
- [8] N. Fazzuan, M. Maznah, and R. Zaharudin, "Emotion regulation strategies in education: Teacher's feedback through the Nominal Group Technique," *Int. J. Educ. Psychol. Couns.*, vol. 9, no. 56, Dec. 2024.
- [9] M. Ramli, N. Fazzuan Khalid, R. Zaharudin, and S. N. Ab Rahman, "Mengoptimumkan modul pembelajaran untuk pelajar autisme: Maklum balas kaunselor melalui Teknik Kumpulan Nominal," *Global J. Educ. Res. Manage.*, vol. 4, no. 4, Dec. 2024.
- [10] Politeknik Sultan Azlan Shah, *Laporan Pencapaian Pelajar Program Sijil Asas Tahfiz 2024/2025: Unit Pendidikan Islam dan Moral*, PSAS, 2024.
- [11] H. A. Mohamad, S. M. Noor, and Z. A. Zainal, "Key factors influencing Quran memorization achievement among tahfiz students in Pahang," *Jurnal Al-Hikmah*, vol. 15, no. 2, pp. 45–60, Jun. 2023.
- [12] N. M. S. A. Nik Abdullah, F. S. Mohd Sabbri, and R. A. Muhammad Isa, "Tahfiz students' experiences in memorizing the Qur'an: motivating factors and challenges," *IJUM J. Educ. Stud.*, vol. 9, no. 2, pp. 42–63, Jun. 2021.
- [13] M. H. A. Mohd Azmi, N. A. M. Nik Din, and M. I. Md Khalis, "Key factors influencing the success of Quran memorization among tahfiz students," *Jurnal Al-Hikmah*, vol. 16, no. 2, pp. 70–85, Jun. 2024.
- [14] S. Mukhtar, A. Z. Abd Razak, and M. H. Khan, "Enhancing school performance through instructional leadership: Insights from the Nominal Group Technique in the Malaysian context," *Asian J. Environ. -Behaviour Stud.*, vol. 9, no. 28, pp. 15–27, Aug. 2024.
- [15] A. L. Delbecq, A. H. Van de Ven, and D. H. Gustafson, *Group Techniques for Program Planning: A Guide to Nominal Group and Delphi Processes*. Glenview, IL: Scott Foresman, 1975.

- [16] H. Sulaiman and S. Hamzah, "The application of Nominal Group Technique (NGT) in education: A review," *J. Educ. Social Sci.*, vol. 11, no. 1, pp. 1–6, 2019.
- [17] M. N. Marshall, "Sampling for qualitative research," *Family Practice*, vol. 13, no. 6, pp. 522–526, 1996. doi: 10.1093/fampra/13.6.522
- [18] L. Palinkas, S. M. Horwitz, C. A. Green, J. P. Wisdom, N. Duan, and K. Hoagwood, "Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research," *Admin. Policy Mental Health Ment. Health Serv. Res.*, vol. 42, pp. 533–544, 2015. doi: 10.1007/s10488-013-0528-y
- [19] A. H. Van de Ven and A. L. Delbecq, "The effectiveness of nominal, Delphi, and interacting group decision making processes," *Acad. Manage. J.*, vol. 17, no. 4, pp. 605–621, 1974. doi: 10.5465/255641
- [20] M. T. Baldwin, "Using the nominal group technique to determine a quality of work life program," *Health Care Manage. Rev.*, vol. 3, no. 1, pp. 55–63, 1978.
- [21] N. Mohd Ghazali, *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.
- [22] L. A. Palinkas et al., "Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research," *Admin. Policy Mental Health Ment. Health Serv. Res.*, vol. 42, pp. 533–544, 2015. doi: 10.1007/s10488-013-0528-y
- [23] M. Z. M. Salleh, *Teknik Kumpulan Nominal dalam Penyelidikan Kualitatif Pendidikan*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI, 2019.
- [24] R. Hamzah, N. A. Majid, and S. H. Khair, "Pendekatan kualitatif dalam kajian pendidikan: Isu, cabaran dan pelaksanaan," *Jurnal Pendidikan Malaysia*, vol. 43, no. 2, pp. 1–10, 2018.
- [25] M. Z. M. Salleh, *Teknik Kumpulan Nominal dalam Penyelidikan Kualitatif Pendidikan*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI, 2019.
- [26] M. M. Awang and S. Daud, "Faktor kegagalan pelajar bumiputera dalam pengajian tinggi: Satu analisis kualitatif," *Jurnal Personalia Pelajar*, vol. 14, pp. 27–40, 2011.
- [27] M. H. Nor and A. R. Rosli, "Cabaran pembelajaran pelajar tahfiz: Kajian kes di Kolej Vokasional Agama," *Jurnal Pendidikan Malaysia*, vol. 43, no. 1, pp. 45–52, 2018.
- [28] N. Othman, M. R. Harun, and A. H. Rahim, "Pengaruh sokongan keluarga terhadap prestasi akademik pelajar sekolah menengah," *Jurnal Pendidikan Malaysia*, vol. 38, no. 2, pp. 35–42, 2013.
- [29] M. S. Yusoff, "Tekanan emosi dan pencapaian akademik pelajar perubatan," *Jurnal Psikologi Malaysia*, vol. 26, no. 1, pp. 45–58, 2012.
- [30] A. Hassan, S. R. Mahmud, and Z. Zakaria, "Pengaruh persekitaran pembelajaran terhadap keberkesanan pengajaran guru," *Jurnal Pendidikan Malaysia*, vol. 42, no. 2, pp. 15–25, 2017.
- [31] M. Zainudin and N. Ghazali, "Kurikulum integrasi dalam pendidikan Islam: Satu keperluan dalam era globalisasi," *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, vol. 5, no. 2, pp. 10–19, 2017.
- [32] R. Hamzah, N. A. Majid, and S. H. Khair, "Pendekatan kualitatif dalam kajian pendidikan: Isu, cabaran dan pelaksanaan," *Jurnal Pendidikan Malaysia*, vol. 43, no. 2, pp. 1–10, 2018.

AUTHOR'S INFORMATION

<p>First Author: Mohamad Faisal Jumri</p> 	<p>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Azlan Shah, 35950 Behrang Stesen, Perak, Malaysia</p> <p>E-mail: m.faisal@psas.edu.my</p>
<p>Second Author: Muhammad Solihin Yaakub</p> 	<p>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Azlan Shah, 35950 Behrang Stesen, Perak, Malaysia</p> <p>E-mail: solihin@psas.edu.my</p>
<p>Third Author: Mohd Zaid Ismail</p> 	<p>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Azlan Shah, 35950 Behrang Stesen, Perak, Malaysia</p> <p>E-mail: mohd_zaid@psas.edu.my</p>